

**ISA belum boleh dimansuhkan lagi**  
**Malaysiakini.com**  
**October 03,2011**

Dua undang-undang baharu yang dicadangkan untuk keselamatan negara perlu berkuatkuasa terlebih dahulu sebelum Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) boleh dimansuhkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata kerajaan mahu memastikan kedua-dua akta berkenaan siap sebelum ISA dimansuhkan.

NONE Mohamed Nazri menegaskan tidak boleh ada ruang di antara mengenakan undang-undang baharu itu dengan memansuhkan ISA supaya tidak berlaku sebarang kerumitan termasuk perlunya membebaskan tahanan ISA.

Beliau memberitahu ini kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata baharu-baharu ini bahawa usul untuk memansuhkan ISA akan dibentangkan di Dewan Rakyat bulan Mac tahun depan.

Najib hari ini membentangkan usul di Dewan Rakyat untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933.

Tepati kehendak rakyat

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata pembentangan cadangan memansuhkan ISA akan dilakukan pada Mac depan kerana kerajaan mahu dua undang-undang baru mengenai keselamatan negara menepati kehendak rakyat.

NONE Katanya, kerajaan akan memastikan undang-undang tersebut mempunyai peruntukan yang seimbang antara keperluan keselamatan dan perpaduan rakyat, serta semua rakyat dilindungi.

"Ini membabitkan soal penglibatan dan perundingan. Kami mahu undang-undang itu kena dengan kehendak. Kami mahu pastikan apa juga pindaan yang dilakukan bukan retorik," katanya kepada pemberita, di Lobi Parlimen.

Beliau berkata ini juga peluang kepada kerajaan dan rakyat untuk menentukan peraturan asas bagi transformasi pada masa depan dan membina negara yang lebih baik serta mengamalkan sistem demokrasi yang lebih teguh.

Beliau berkata pembentangan dua rang undang-undang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada persidangan Dewan Rakyat hari ini menunjukkan kerajaan benar-benar serius dalam melaksanakan transformasi negara.

najib special address malaysia day 150911 "Hari ini cukup bersejarah. Apa yang diumumkan dahulu telah pun ditetapkan dalam agenda Parlimen hari ini dan saya percaya banyak lagi akan diumumkan pada masa akan datang.

"Ini untuk membuktikan bahawa transformasi yang bermula dengan tranformasi kerajaan, tranformasi ekonomi dan kini transformasi politik pula," katanya.

Pada persidangan hari ini Najib membentangkan Rang Undang-Undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011 dan Rang Undang-Undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 untuk bacaan kali pertama.

Dalam perutusan sempena Hari Malaysia pertengahan bulan lepas, Najib mengumumkan pemansuhan ISA dan Akta Buang Negeri 1959 selain memansuhkan beberapa enakmen termasuk Ordinan Darurat dan Akta Kediaman Terhad 1933.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/177630>